



MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT

Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah dibenarkan membuat tawaran sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas tarikh tutup iklan sebut harga (26 NOVEMBER 2019) bagi kerja serta syarat-syarat berikut :

Bil	No.Sebut Harga	Tajuk Kerja	Gred / Kategori / Pengkhususan
1	MPS.600-8/4/5	KERJA-KERJA BAIK PULIH DI PASAR AWAM SEGAMAT	Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B04 atau B28

1. Dokumen Sebut harga boleh didapati di Kaunter (Penjualan Sebut harga), Majlis Perbandaran Segamat, Johor mulai **20 OGOS 2019** sehingga **26 OGOS 2019** semasa waktu pejabat dengan bayaran dalam bentuk **DRAF BANK** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau **KIRIMAN WANG POS (MONEY ORDER)** atau **WANG KIRIMAN POS BERPALANG (POSTAL ORDER)** berjumlah RM30.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Sahaja) bagi setiap naskah dokumen atas nama Majlis Perbandaran Segamat.
2. Kontraktor atau wakil yang sah diwajibkan membawa **Sijil Asal yang masih sah** dan menyediakan satu salinan Surat Pendaftaran **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera (PKK)**, **Perakuan Pendaftaran Perniagaan (SSM)** semasa pembelian Dokumen Sebut harga.
3. Semua Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di Pejabat Majlis Perbandaran Segamat sebelum jam **12.00 Tengah hari** pada **26 OGOS 2019 (ISNIN)**.

Masni

(MOHD MASNI BIN WAKIMAN)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Segamat.